



21 Disember 2021  
21 December 2021  
P.U. (B) 677

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERISYTIHARAN LEBUH RAYA SETIAWANGSA – PANTAI SEBAGAI JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DITETAPKAN

*DECLARATION OF THE SETIAWANGSA – PANTAI  
EXPRESSWAY AS A DESIGNATED FEDERAL TERRITORY  
ROAD*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

**PERISYTIHARAN LEBUH RAYA SETIAWANGSA-PANTAI SEBAGAI  
JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DITETAPKAN**

MENURUT takrif “jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan” di bawah seksyen 67 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri, setelah berunding dengan Dato Bandar Kuala Lumpur, mengisytiharkan bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Setiawangsa-Pantai yang bermula dari laluan utama di kilometer 16.40 (di koordinat U 352706.499 T 415985.744 Grid Bentuk Benar Serong Di tepi (RSO) Geosentrik (GDM 2000)) dan berakhir di kilometer 20.67 (di koordinat U 355959.040 T 415610.971 Grid Bentuk Benar Serong Di tepi (RSO) Geosentrik (GDM 2000)), termasuklah sebahagian Persimpangan Bertingkat Setiawangsa dan keseluruhan Persimpangan Bertingkat Genting Kelang, Tanjakan Masuk Genting Kelang, Persimpangan Bertingkat Taman Melati, Plaza Tol Wangsa Maju, serta jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 4.27 kilometer, sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan berkuat kuasa mulai 22 Disember 2021.

2. Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan itu ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL  
[perenggan 2]

PETA : LEBUH RAYA SETIAWANGSA-PANTAI

